SAMPEL PERCUMA

Trial STPM 2022 Pengajian Am Semester 2 KTE Seri Putera + Skema

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

[15 markah]

Jawab **semua** *soalan.*

1. Nyatakan **empat langkah** yang diambil oleh kerajaan dalam mengoptimumkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara. [4 markah]

i. ……

ii. ……

iii. ……

iv. ……

2. Nyatakan **empat harapan** yang hendak dicapai apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur. [4 markah]

i. ……

ii. ……

iii. ……

iv. ……

3. Nyatakan **tiga bidang** prasarana yang diberi tumpuan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat. [3 markah]

i. ……

ii. ……

iii. ……

4. Jelaskan **dua objektif** Dasar Sosial Negara untuk membentuk masyarakat Malaysia yang maju dan ampuh dalam menangani gejala sosial negara. [4 markah]

i. ……

……

ii. ……

……

Bahagian B
[20 markah]

Jawab **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini. Jawapan hendaklah dibuat pada kertas graf.*

5. Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah ini, sediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan hasil tangkapan ikan bagi negeri terpilih di Semenanjung Malaysia dan jumlah nilai tangkapan mengikut perairan bagi tahun 2014 hingga tahun 2017.

Menurut laporan semasa, hasil tangkapan ikan negara yang meliputi kawasan perairan laut pantai dan perairan laut dalam menunjukkan keadaan yang tidak stabil. Akibatnya, negara terpaksa mengimport bekalan ikan dari negara jiran, terutamanya Thailand bagi menampung permintaan penduduk tempatan.

Pada tahun 2014, jumlah tangkapan ikan bagi kedua-dua kawasan perairan bagi negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia, iaitu negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu adalah sebanyak 890 ribu tan metrik. Jumlah ini kemudiannya merosot sebanyak 66 ribu tan metrik pada tahun 2015 berbanding dengan tahun sebelumnya. Fenomena ini tidak sepatutnya berlaku kerana subsidi diesel yang diberikan oleh kerajaan kepada para nelayan sentiasa bertambah. Dalam tempoh tahun 2014 hingga tahun 2015, jumlah tangkapan ikan bagi negeri Pahang sebanyak 443 ribu tan metrik merosot kepada 408 ribu tan metrik, manakala bagi negeri Terengganu dari 212 ribu tan metrik berkurang kepada 208 ribu tan metrik. Sementara itu, negeri Kelantan dari telah berkurangan sebanyak 49 ribu tan metrik berbanding dengan 235 tan metrik pada tahun sebelumnya.

Walau bagaimanapun, jumlah tangkapan ikan dari negeri-negeri pantai timur terus meningkat menjadi 887 ribu tan metrik pada tahun 2016. Jumlah ini ialah 27 000 tan metrik lebih rendah berbanding dengan jumlah tangkapan ikan pada tahun 2017. Pahang dan Terengganu menyumbangkan tangkapan ikan sebanyak 429 ribu tan metrik dan 240 tan metrik masing-masing dan selebihnya adalah hasil tangkapan daripada nelayan negeri Kelantan.

Pada tahun 2017, ketiga-tiga buah negeri turut menunjukkan jumlah tangkapan ikan yang meningkat, negeri Pahang meningkat sebanyak 6000 tan metrik, manakala negeri Terengganu mencatatkan peningkatan sebanyak 10 ribu tan metrik dan negeri Kelantan telah meningkat sebanyak 11 ribu tan metrik.

Dari segi nilai tangkapan ikan pula, pada tahun 2014 hasil tangkapan ikan dari perairan laut pantai mencecah nilai RM2250.4 juta, manakala hasil tangkapan ikan dari perairan laut dalam adalah sebanyak RM753.6 juta sahaja. Pada tahun 2015, hasil tangkapan ikan dari perairan laut pantai merosot kepada 2180.7 juta. Hasil tangkapan ikan dari perairan laut dalam turut merosot pada tahun yang sama, iaitu kepada RM727.8 juta.

Perkembangan positif berterusan ditunjukkan pada dua tahun berikutnya, apabila nilai hasil tangkapan ikan dari perairan laut pantai mencecah RM2498.4 juta pada tahun 2016. Walau bagaimanapun hasil tangkapan ikan dari perairan laut dalam menurun pada tahun tersebut berbanding dengan tahun 2015 apabila mencatatkan nilai tangkapan sebanyak RM717.1 juta. Pada tahun 2017, hasil tangkapan ikan dari perairan laut pantai bernilai RM3278.5 juta. Hasil tangkapan ikan dari perairan laut dalam pula bernilai RM952.0 juta pada tahun 2017.

Peningkatan jumlah tangkapan ikan untuk dua tahun berturut-turut ini telah meyakinkan kerajaan bahawa jumlah tangkapan ikan negara bagi tahun-tahun akan datang dapat terus ditingkatkan. Hal ini merupakan satu harapan besar untuk negara bagi memastikan rakyat tidak perlu mengimport ikan dari negara lain pada suatu hari nanti.

(Disesuaikan daripada Laporan Perangkaan Malaysia, 2018)

6. **Berdasarkan maklumat yang diberikan dalam petikan di bawah sediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan eksport barangan pembuatan terpilih di Malaysia pada tahun-tahun yang dinyatakan**.

Eksport barangan pembuatan Malaysia pada tahun 2007 menunjukkan sedikit peningkatan berbanding eksport pada tahun 2006. Pada tahun 2007 eksport barangan sebanyak RM 124 419 juta iaitu meningkat sebanyak RM 5170 juta berbanding tahun sebelumnya.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk terus memelihara sumber perhutanan, eksport produk kayu tidak banyak berubah, iaitu daripada RM14,791 juta pada tahun 2006 kepada RM14,391juta pada tahun 2007. Pada tahun 2007, eksport produk getah pula mengalami perubahan yang agak sedikit, iaitu daripada RM9,332 juta pada tahun 2006 kepada RM9,588 juta pada tahun2007. Namun demikian Malaysia masih mengekalkan kedudukannya sebagai pengeluar utama produk getah dengan menyumbang sebanyak 47% daripada keperluan dunia.

Usaha untuk mempelbagaikan produk petroleum telah berjaya meningkatkan nilai eksportnya. Pada tahun 2006, eksport produk petroleum bernilai RM23,930 juta dan telah menokok sebanyak RM1,859 juta pada tahun 2007. Selain itu, hasil petroleum juga membantu perkembangan dalam pengeksportan kimia, produk kimia dan plastik. Pada tahun 2006, nilai eksport kimia, produk kimia dan plastik ialah sebanyak RM37,716 juta dan telah melonjak kepada RM39,572 juta pada tahun 2007.

Eksport kelengkapan pengangkutan seperti alat ganti dan aksesori kenderaan telah mengalami penyusutan. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh persaingan dengan Negara pengeluar lain yang dapat menawarkan harga yang lebih murah. Pada tahun 2006, nilai eksportnya sebanyak RM8,559 juta, menyusut kepada RM8,384 juta. Eksport besi dan keluli mengalami peningkatan yang agak ketara. Negara pengimport utama produk ini ialah China yang membuat persiapan akhir untuk menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Beijing 2008. Eksport besi dan keluli pada tahun 2007 ialah sebanyak RM26, 695 juta setelah mengalami peningkatan sebanyak RM1,774 juta daripada tahun sebelumnya.

(Disesuaikan daripada LaporanTahunan Jabatan Perangkaan Malaysia 2008)

BAHAGIAN A

[15 markah]

1. **Nyatakan empat langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengoptimumkan sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara (4 markah)**

a) mengukuhkan pertalian dengan sektor-sektor lain
b) meningkatkan produktiviti dan daya saing sektor pertanian
c) memulihara dan menggunakan sumber-sumber asli dengan mampan
d) memperkenalkan pendekatan perhutani
e) memperkenalkan pendekatan berasaskan produk
f) melibatkan sektor swasta

2. Nyatakan empat harapan yang hendak dicapai apabila kerajaan memperkenalkan Dasar Pandang ke Timur (4 markah)

a) kerajinan dan disiplin bekerja
b) kesetiaan kepada negara dan perusahaan atau perniagaaan di mana pekerja bekerja
c) keutamaan kepada kumpulan dan tidak diri sendiri
d) tekanan terhadap daya produktiviti dan kualiti yang tinggi
e) peningkatan kecekapan
f) pengurangan perbezaan antara eksekutif dan pekerja am
g) sistem pengurusan yang menitikberatkan kejayaan jangka panjang dan tidak semata-mata peningkatan dividen atau pendapatan kakitangan dalam jangka pendek

3. Nyatakan tiga bidang prasarana yang diberi tumpuan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat (3 markah)

a) perumahan
b) kemudahan kesihatan
c) maklumat dan komunikasi
d) pendidikan
e) bekalan elektrik
f) bekalan air bersih
g) sistem pengangkutan yang cekap

Graf Gabung

Bar Kompaun + 1 garis

Cadangan Skema Jawapan :

SEMENANJUNG MALAYSIA : HASIL TANGKAPAN IKAN BAGI NEGERI TERPILIH DAN JUMLAH NILAI TANGKAPAN MENGIKUT PERAIRAN PADA TAHUN 2014 HINGGA TAHUN 2017

Tahun / Negeri	2014	2015	2016	2017
	Hasil Tangkapan Ikan (ribu tan metrik)			
Pahang	443	408	429	435
Terengganu	212	208	240	250
Kelantan	235	186	218	229
Jumlah	890	824	887	914
Kawasan Perairan	Nilai Tangkapan Ikan (RM juta)			
Perairan laut pantai	2250.4	2180.7	2498.4	3278.5
Perairan laut dalam	753.6	727.8	717.1	952.0
Jumlah Nilai Tangkapan Ikan	3004	2908.5	3215.5	4230.5

(Disesuaikan daripada Laporan Perangkaan Malaysia, 2018)

BAHAGIAN C

7. Pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia sehingga kini telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk di negara ini. Jelaskan.

Pengenalan

Penularan Covid-19 di Malaysia sudah menjangkau dua tahun. Keadaan ini telah menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk di negara ini.

Bil	Isi / Idea	Huraian
1.	**PELBAGAI MASALAH:** Kesihatan terjejas	• Jumlah kes dan kematian akibat koronavirus semakin meningkat • Kebanyakan pesakit yang dimasukkan ke hospital mengalami kegagalan fungsi buah pinggang, pembekuan darah dan miokarditis • Penduduk mengalami kemurungan dan stres
2.	Aktiviti ekonomi terganggu	• Menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara • Banyak sektor ekonomi terjejas teruk seperti sektor pelancongan dan sektor perniagaan • Menyebabkan penurunan permintaan eksport dan domestik
3.	Sesi persekolahan terjejas	• Sekolah terpaksa ditutup akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) • Pelajar sukar berkomunikasi dengan guru secara atas talian • Pelajar berhadapan masalah untuk melanggan talian internet
4.	Aktiviti harian terjejas	• Rutin harian penduduk terjejas ketika PKP • Penduduk tidak boleh melakukan aktiviti yang biasa yang dilakukan sebelum ini • Penduduk menghabiskan banyak masa di rumah sahaja
5.	Hilang pekerjaan/ pendapatan	• Ramai yang diberhentikan kerja oleh majikan • Kadar pengangguran meningkat • Menghadapi masalah kewangan bagi menyara kehidupan
6.	Pergerakan terbatas	• Penduduk tidak boleh bergerak secara bebas seperti sebelum ini • Ada penduduk yang terpaksa dikuarantin • Penduduk hanya dibenarkan keluar atas alasan tertentu sahaja
7.	Norma hidup baharu	• Penduduk terpaksa mengubah corak kehidupan sedia ada • Penduduk tepaksa membiasakan diri melakukan aktiviti di luar norma kebiasaan • Penduduk terpaksa memakai pelitup muka, penjarakan fizikal dan kerap mencuci tangan

Penutup

Semua pihak perlulah bersama-sama berganding bahu untuk memastikan wabak Covid-19 dapat dibendung dan tidak terus meningkat.

Skema : 5 + 0

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar